





SEORANG penduduk menunjukkan kolam dibina untuk menapis air kotor daripada terus mencemarkan Sungai Kundang.



SISA pepejal yang mencemarkan Sungai Kundang yang pernah didedahkan KOSMO! baru-baru ini.

Tiada lagi air hitam, bukit sampah

# Sungai Kundang bersih

Oleh LUQMAN HAKIM Ab. RAHIM  
mohdluqman@kosmo.com.my

RAWANG - Tiada lagi air yang berwarna hitam daripada longgokan sampah, mengalir dan mencemari Sungai Kundang dan tiada lagi air kotor mengalir ke Sungai Selangor.

Ternyata Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) mengotakan janjinya termasuk membina kolam takungan rawatan air sementara di tapak pelupusan tersebut.

Tinjauan susulan kali kedua KOSMO! baru-baru ini ke tapak pelupusan yang pernah dilanda kontroversi itu mendapati sebuah kolam takungan telah dibina sepanjang 10 meter untuk menapis air kotor seterusnya dapat mengurangkan aliran air hitam mencemari saliran.

Sebelum itu, KOSMO! pernah melaporkan mengenai tapak pelupusan sampah di Kundang yang menjadi antara punca kepada pencemaran air sekitar Lembah Klang ekoran air berwarna hitam yang mengalir terus ke Sungai Selangor, selain punca air berbau busuk seakan-akan najis baru-baru ini.

Malah isu Sungai Kundang tercemar juga pernah menarik perhatian Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Azmi Khalid sehingga beliau mengadakan lawatan mengejut ke kawasan berkenaan baru-baru ini.

Sementara itu, dalam tinjauan yang sama, KOSMO! juga mendapati keseluruhan kawasan tapak pelupusan itu kini lebih teratur berbanding dulu.

Tiada lagi longgokan sampah telah ditimbus dengan tanah merah dan tidak ada lagi 'bukit sampah' seperti dahulu yang menjadi punca air berwarna hitam.

KOSMO! juga pernah dimaklumkan bahawa Alam Flora telah menutup laluan pintu belakang kepada lori pengangkut sampah ke tapak pelupusan tersebut untuk mengelakkan longgokan sampah di Sungai Kundang.

Hasil daripada pemerhatian KOSMO! mendapati tiada lori-lori pengangkut sampah menggunakan laluan pintu belakang, sebaliknya pemandu lori menggunakan pintu depan ke tapak pelupusan tersebut.



Air tercemar mengalir ke anak sungai di kawasan pelupusan sampah Kundang semalam.

Dua lagi pelupusan sampah didakwa punca air busuk

## Air hitam cemar sungai

Oleh MOHD. LUQMAN HAKIM  
AB. RAHIM  
mohdluqman@kosmo.com.my

HULU SELANGOR - Jaminan sampah yang diwart dari Sungai Pelagus Bukit

tam di kawasan tapak pelupusan sampah

terlihat.

"Saya sendiri akan mengadakan lawatan di tapak pelupusan sampah Kundang esok (hari ini) bersama wakil MFS untuk menyiasat," katanya ketika dihubungi

korona khastir ia tercemar.

Semalam, pengusaha tapak pelupusan Bukit Tegar, KUB Berjaya Enviro Sdn Bhd. menafikan air daripada tapak berkenaan mengalir ke Sungai Selangor walaupun salib air daripada benteng penahan air terus